

Perdana Menteri lancar PR1MA Kuantan esok

Utusan Online

22 Mac, 2013

Oleh FAIZAH IZZANI

KUALA LUMPUR 22 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bakal melancarkan satu lagi projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di Kuantan, Pahang esok.

Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, Datuk Abdul Mutalib Alias berkata, projek tersebut merupakan sebuah pembangunan bersepadu untuk menampung keperluan perumahan mampu milik bagi penduduk di tiga kawasan utama iaitu bandar Kuantan, Indera Mahkota dan Paya Besar.

"Perdana Menteri akan mengumumkan secara rasmi di Jelajah Janji Ditepati Kuantan yang akan diadakan esok," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130322/dn_33/Perdana-Menteri-lancar-PR1MA-Kuantan-esok